

Penguasaan dan Permasalahan Pelajar Terhadap Pengajian Ilmu *Balaghah*: Satu Tinjauan Awal

Mastery and Problem of Students Against the *Balaghah* Studies: A Preliminary Survey

ANUAR SOPIAN
SALMAH AHMAD
KASEH ABU BAKAR

ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat persepsi, permasalahan dan penguasaan pelajar Sekolah Menengah Agama (SMKA) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di negeri Melaka terhadap bahasa Arab khususnya ilmu balaghah serta mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam pembelajaran ilmu ini. Seramai 30 orang pelajar tingkatan lima daripada 504 orang pelajar dipilih sebagai responden kajian awal di SMKA dan SABK negeri Melaka. Terdapat beberapa masalah yang dikenal pasti dihadapi oleh para pelajar yang boleh mengganggu mereka untuk menguasai ilmu ini. Beberapa langkah dicadangkan bagi memantapkan penguasaan pelajar terhadap ilmu ini turut dikemukakan dalam kajian ini.

Kata kunci: Penguasaan; pengajian; keberkesanan; ilmu Balaghah dan bahasa Arab

ABSTRACT

This study aims to examine and control the People's Religious School students (SMKA) and SABK in Malacca on particular Arabic balaghah knowledge and to identify the problems faced by students in learning this knowledge. A total of 30 students from five out of 504 students were chosen as respondents in the SMKA and SABK in Malacca. There are several problems faced by identified students who may interfere with them to capture this knowledge. Several measures intended to strengthen students' knowledge is also presented in this study.

Keywords: Control; learning; effectiveness; knowledge and Arabic

PENDAHULUAN

Balaghah ataupun retorik Arab adalah merupakan antara elemen asas pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab selain daripada *nahu* dan *saraf*. Dalam sistem pendidikan di Malaysia, terdapat beberapa peperiksaan yang memuatkan mata pelajaran *balaghah* di dalam beberapa kertas yang tertentu. Untuk peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), mata pelajaran *balaghah* berada di dalam kertas bahasa Arab. Pada Peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) pula, *balaghah* terdapat di dalam kertas Bahasa Arab II. Kesimpulan yang boleh dibuat untuk kedua-dua peperiksaan ini ialah tiada kertas yang khas untuk mata pelajaran *balaghah* sahaja. *Balaghah* hanya dimasukkan di dalam kertas bahasa Arab. Namun, berlainan dengan kertas Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), terdapat satu kertas yang khas untuk mata pelajaran *balaghah* iaitu kertas *balaghah*. Kertas ini merupakan tahap yang tertinggi yang digunakan di dalam sistem pendidikan di

Malaysia untuk menguji kemampuan pelajar dalam mata pelajaran ini.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Latar belakang Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) yang berteraskan Pendidikan Islam dan bahasa Arab menjadikan asas kepada penyelidik untuk menjalankan kajian ini. SMKA merupakan sebahagian dari sekolah-sekolah di bawah penyeliaan Kementerian Pelajaran Malaysia. Manakala SABK ialah sekolah-sekolah yang dahulunya di bawah penyeliaan Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) yang telah diserap di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia di atas nama Sekolah Agama Bantuan Kerajaan. Jika dilihat dari perspektif sejarah penubuhan sekolah-sekolah ini, hasrat untuk melahirkan pelajar yang benar-benar mahir dan menguasai pengkhususan ilmu *balaghah* sepenuhnya masih belum tercapai.

Hanya segelintir pelajar yang betul-betul berminat untuk mempelajarinya dan seterusnya melanjutkan pengajian di peringkat tinggi dalam bidang tersebut. Manakala sebahagian yang lain lebih berminat untuk menyambung pengajian di luar bidang *balaghah*.

PERNYATAAN MASALAH

Melalui sukatan Kementerian Pelajaran Malaysia, ilmu *balaghah* telah diperkenalkan asas pembelajarannya di dalam mata pelajaran bahasa Arab di peringkat Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM). Manakala bagi peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), *balaghah* merupakan satu subjek yang tersendiri tanpa diselitkan di dalam subjek bahasa Arab.

Bagi pelajar-pelajar yang mengambil mata pelajaran bahasa Arab yang mengandungi komponen ilmu *balaghah* di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) negeri Melaka, secara keseluruhannya berada di tahap yang sederhana dalam peperiksaan bagi mata pelajaran tersebut. Kebanyakan pelajar mengakui kemampuan mereka dalam menguasai ilmu *balaghah* masih di tahap yang lemah terutama ketika menyambung pelajaran di peringkat pengajian tinggi (Anuar 2010).

Hal ini dapat dilihat melalui keputusan peperiksaan SPM 2010, jumlah calon yang mengambil mata pelajaran Bahasa Arab Tinggi (BAT) adalah seramai 549 orang di 9 buah SMKA dan SABK negeri Melaka. Bilangan pelajar yang mendapat A+ dalam subjek ini ialah 18 orang (3.2%), manakala yang mendapat A pula ialah 26 orang (5%), seterusnya yang mendapat A- ialah 35 orang (6.3%). Seramai 63 orang (11.5%) pula mendapat B+. Bagi pelajar yang mendapat B dalam subjek ini ialah seramai 57 orang (10.3%). Para pelajar yang mendapat C+ pula ialah seramai 54 orang (10%). Seterusnya seramai 44 orang (8%) mendapat C. Kebanyakan pelajar mendapat D iaitu seramai 99 orang (18%) manakala markah yang kedua tertinggi ialah E iaitu 89 orang (16.2%). Seramai 62 orang (11.2%) gagal dalam subjek ini dan 2 orang (0.3%) tidak hadir.

Kebanyakan pensyarah dalam bidang ini dan berdasarkan kepada pengalaman penyelidikan sendiri mendapati mereka agak lemah dalam penguasaan bidang ini. Asas ini telah mendorong kajian ini dilakukan bagi mengetahui tentang keberkesanan dan kemampuan pelajar dalam bidang ini di peringkat menengah sebagai peringkat terawal yang

menawarkan pembelajarannya kepada pelajar sebelum menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

OBJEKTIF KAJIAN

Secara keseluruhannya, kajian yang akan dijalankan ini bertujuan untuk mengenal pasti penguasaan dan permasalahan pembelajaran ilmu bahasa Arab khususnya ilmu *balaghah* di kalangan pelajar-pelajar SMKA dan SABK di negeri Melaka. Manakala objektif khusus kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengetahui persepsi pelajar-pelajar terhadap pembelajaran ilmu *balaghah*.
2. Mengetahui masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar dalam pembelajaran ilmu *balaghah*.
3. Mengetahui sejauh mana keberkesanan pengajaran dan pembelajaran ilmu *balaghah* di kalangan pelajar-pelajar serta pengaplikasian ilmu tersebut dalam penggunaan gaya bahasa mereka.
4. Mengetahui tahap penguasaan pelajar-pelajar dalam bidang ilmu *balaghah*.

KEPENTINGAN KAJIAN

Secara umumnya, dapatan kajian berpotensi membantu pihak berkaitan terutama bahagian kurikulum bahasa Arab seperti pihak Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) di Kementerian Pelajaran Malaysia, institusi pendidikan agama negeri terutamanya Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM), yayasan pendidikan negeri dan lain-lain bagi memperkembangkan lagi tahap penguasaan pelajar dalam bidang ini.

Di samping itu secara amali, penyelidikan yang dijalankan juga diharap dapat memberi manfaat dan faedah kepada para guru yang mengajar mata pelajaran *balaghah* dengan melihat kajian ini sebagai satu bentuk penilaian terhadap diri mereka. Merujuk kepada analisis dan hasil dapatan kajian, guru-guru boleh membuat perancangan dan menjayakan pelbagai usaha yang bersesuaian ke arah mempertingkatkan prestasi serta mutu pengajaran dan pembelajaran.

Selain itu, hasil dapatan kajian ini juga kelak diharap dapat memberi sedikit sebanyak garis panduan terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran *balaghah* yang sesuai diaplikasikan di dalam kelas dan secara tidak langsung mampu untuk

membangkitkan semangat di kalangan pelajar untuk cintakan bahasa Jannah tersebut serta dalam masa yang sama juga dapat memupuk minat pelajar-pelajar mempelajari ilmu tersebut. Usaha ini juga dapat memudahkan pihak sekolah untuk mengatur segala rancangan dan strategi-strategi yang bersesuaian bagi mempertingkatkan penguasaan pelajar-pelajar terhadap mata pelajaran *balaghah* ke tahap yang lebih membanggakan.

BATASAN DAN SKOP KAJIAN

Penyelidikan ini hanya mengkaji perkara yang berkaitan dengan penguasaan ilmu retorik Arab yang terbatas kepada sampel yang dijalankan di Sekolah Menengah Aliran Agama (SMKA) dan Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Negeri Melaka merangkumi 9 buah sekolah iaitu:

1. SMKA Sultan Muhammad Batu Berendam, Melaka.
2. SMKA Sharifah Rodziah Telok Mas, Melaka.
3. SMA (JAIM) Darul Falah Kuala Sungai Baru, Melaka.
4. SMA (JAIM) Al Ehya El-Karim Tanjong Bidara, Melaka.
5. SMA (JAIM) Al-Asyraf Bukit Merchat, Alor Gajah, Melaka.
6. SMARAB (JAIM) As-Sayyidah Khadijah, Merlimau, Melaka.
7. SM ARAB (JAIM) Al-Ahmadi Sungai Udang, Melaka.
8. SMARAB (JAIM) As-Syakirin Selandar, Melaka.
9. SM TAHFIZ AL-QURAN Chenderah Jasin, Melaka.

METODOLOGI KAJIAN

Penyelidik menggunakan metode kajian soal selidik dan temu bual untuk mengumpulkan semua data primer yang dikehendaki. Manakala untuk data sekunder, penyelidik menggunakan metode kajian kepustakaan untuk mendapatkan segala maklumat. Seramai 30 orang pelajar dipilih sebagai responden awal kajian daripada jumlah keseluruhan 504 orang pelajar tingkatan lima tahun 2012 di SMKA dan SABK seluruh negeri Melaka. Sampel kajian yang dipilih adalah secara rawak kelompok iaitu melibatkan para pelajar tingkatan lima yang akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Maklumat mengenai kajian yang diperolehi

daripada responden adalah berdasarkan maklum balas daripada soal selidik terhadap para pelajar (sampel) dari sekolah-sekolah tersebut.

SKALA PENGUKURAN TAHAP PENGUSAAN

Bil	Skala	Min
1	Sangat tidak setuju	1.00 – 1.49
2	Tidak setuju	1.50 – 2.49
3	Tidak pasti	2.50 – 3.49
4	Setuju	3.50 – 4.49
5	Sangat setuju	4.50 – 5.0

DAPATAN KAJIAN

Jadual 1 menunjukkan taburan responden kajian berdasarkan jantina. Jadual menunjukkan responden terdiri daripada pelajar lelaki dan juga perempuan. Seramai 13 orang pelajar lelaki atau meliputi sebanyak 43.3% yang terlibat. Pelajar perempuan pula ialah seramai 19 orang pelajar atau meliputi sebanyak 56.7% yang terlibat dalam kajian ini.

JADUAL 1. Taburan Responden Mengikut Jantina

Item	Jantina	Kekerapan	Peratus
1	Lelaki	13	43.3 %
2	Perempuan	17	56.7%
	Jumlah	30	100%

$n = 30$

PERSEPSI PELAJAR TERHADAP PENGAJIAN ILMU BALAGHAH

Dalam objektif bahagian pertama secara umum, jelas menunjukkan min keseluruhan dicatatkan dengan jumlah 2.70 iaitu pada tahap kurang pasti. Penyelidik mendapati bahawa kebanyakan item yang terdapat di dalam bahagian ini mendapat respons negatif daripada para responden yang telah dipilih. Keadaan ini menjelaskan bahawa pandangan pelajar terhadap mata pelajaran *balaghah* adalah negatif. Oleh itu dapat dibuat kesimpulan bagi objektif pertama ini ialah persepsi dan pengetahuan pelajar terhadap pengajian ilmu *balaghah* adalah negatif di mana mereka tidak berminat, tidak mempunyai kesedaran tentang kepentingannya dan ingin mendalami ilmu ini.

JADUAL 2. Taburan Peratusan dan Min bagi Objektif yang Pertama

Bil	Perkara	Frekuensi Peratus (%)					Min
		STS	TS	KS	S	SS	
1	Saya berasa seronok apabila mempelajari <i>balaghah</i>	12 (40%)	8 (26.7%)	10 (33.3%)	-	-	2.26
2	Saya berminat untuk mempelajari pengajian <i>balaghah</i>	16 (53.3%)	-	5 (16.7%)	-	9 (30%)	3.06
3	Saya dapat memahami pembelajaran <i>balaghah</i> yang diajar guru dengan jelas	16 (53.3%)	13 (43.3%)	1 (3.3%)	-	-	2.96
4	Saya merasakan pengajian <i>balaghah</i> adalah penting untuk dipelajari	15 (50%)	5 (16.7%)	10 (33.3%)	-	-	2.83
5	Saya merasakan pengajian <i>balaghah</i> mendorong saya berfikir secara kreatif dan kritis	5 (16.7%)	16 (53.3%)	9 (30%)	-	-	3.13
6	Pengajian <i>balaghah</i> memberi kepuasan kepada saya dalam menguasai bahasa Arab	3 (10%)	12 (40%)	2 (6.7%)	6 (20%)	7 (23.3%)	3.06
7	Pengajian <i>balaghah</i> mampu membantu saya memahami al-Quran & hadis dengan lebih baik	17 (56.7%)	6 (20%)	7 (23.3%)	-	-	2.90
8	Saya dapat menghayati unsur-unsur ilmu <i>balaghah</i> dalam bahasa Arab	12 (40%)	3 (10%)	8 (26.7%)	7 (23.3%)	-	3.33
9	Saya dapat menguasai ilmu <i>balaghah</i> dengan baik setakat yang telah saya pelajari	9 (30%)	10 (33.3%)	11 (36.7%)	-	-	3.06
10	Pengajian <i>balaghah</i> dapat membantu saya memahami teks Arab dengan baik	19 (63.3%)	5 (16.7%)	6 (20%)	-	-	2.93
11	Saya berminat untuk mempelajari <i>balaghah</i> ke peringkat yang lebih tinggi lagi	1 (3.3%)	14 (46.7%)	8 (26.7%)	7 (23.3%)	-	2.70
Min keseluruhan							2.70

MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI OLEH PELAJAR DALAM PEMBELAJARAN ILMU BALAGHAH

Dalam objektif bahagian kedua ini pula bertujuan untuk mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi pelajar dalam pembelajaran ilmu *balaghah*. Setelah dibuat analisa keseluruhan bagi objektif bahagian kedua ini penyelidik mendapati bahawa catatan min keseluruhan iaitu sebanyak 3.08, iaitu pada tahap tidak pasti. Ini bermakna responden mempunyai masalah dalam pembelajaran ilmu *balaghah* di dalam kelas. Maka jawapan kepada persoalan kajian yang kedua ialah secara keseluruhannya pelajar pada hakikatnya mempunyai masalah dalam pembelajaran ilmu *balaghah* ini.

KEBERKESANAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BALAGHAH DALAM KALANGAN PELAJAR

Dalam objektif bahagian ke-3 didapati bahawa responden menafikan bahawa pengajaran dan pembelajaran ilmu *balaghah* membuatkan mereka lebih berminat mempelajari bahasa Arab. Ini menunjukkan pengajaran *Balaghah* belum memberikan kesan kepada responden untuk berminat mempelajari bahasa Arab. Secara keseluruhannya, min yang diperoleh ialah sebanyak 2.95 iaitu pada aras tidak pasti. Ini bermakna majoriti responden masih belum merasai keberkesanan kaedah yang digunapakai dalam pengajaran dan pembelajaran ilmu *balaghah* yang mereka lalui sepanjang mereka pelajari di dalam kelas.

Secara keseluruhannya, penyelidik telah membahagikan bahagian B kepada tiga bahagian iaitu Bahagian I, II dan III. Jadual 5 di bawah memaparkan min keseluruhan bagi setiap bahagian tersebut.

JADUAL 3. Taburan Peratusan dan Min bagi Objektif yang Kedua

Bil	Perkara	Frekuensi Peratus (%)					Min
		STS	TS	KS	S	SS	
12	Saya masih tidak mengenal pasti bahagian-bahagian ilmu <i>balaghah</i>	4 (13.3%)	16 (53.3%)	7 (23.3%)	3 (10%)	-	3.30
13	Ilmu <i>Ma'ani</i> sukar untuk saya fahami	2 (6.7%)	21 (70%)	7 (23.3%)	-	-	2.40
14	Ilmu <i>Badi'</i> sukar untuk fahami	13 (43.3%)	8 (26.7%)	9 (30%)	-	-	2.86
15	Ilmu <i>Bayan</i> sukar untuk saya fahami	3 (10%)	8 (26.7%)	4 (13.3%)	10 (33.3%)	5 (16.7%)	3.20
16	Saya tidak jelas tentang perkaitan antara tajuk-tajuk yang diajar dalam <i>balaghah</i>	15 (50%)	7 (23.3%)	7 (23.3%)	1 (3.3%)	-	2.80
17	Saya sukar memahami contoh dan huraian <i>balaghah</i> yang terdapat dalam buku teks BA	6 (20%)	8 (26.7%)	13 (43.3%)	3 (10%)	-	2.96
18	Saya merasakan masa yang diperuntukkan untuk belajar <i>balaghah</i> dalam kelas tidak mencukupi/memadai	10 (33.3%)	7 (23.3%)	13 (43.3%)	-	-	3.10
19	Kaedah-kaedah <i>balaghah</i> yang dipelajari sukar untuk difahami	18 (60%)	5 (16.7%)	7 (23.3%)	-	-	2.63
20	Guru lebih banyak menggunakan terjemahan bahasa Melayu semasa mengajar <i>balaghah</i> daripada bahasa Arab	15 (50%)	10 (33.3%)	5 (16.7%)	-	-	2.66
21	Huraian dan penerangan yang di buat oleh guru sukar untuk difahami	4 (13.3%)	13 (43.3%)	11 (36.7%)	2 (6.7%)	-	3.36
22	Saya mengalami masalah ketika membuat latihan yang diberikan oleh guru kerana tidak memahami pengajaran <i>balaghah</i> di dalam kelas	15 (50%)	7 (23.3%)	8 (26.7%)	-	-	2.76
23	Format dan bentuk soalan yang digunakan membantu saya untuk menguasai ilmu <i>balaghah</i>	5 (16.7%)	9 (30%)	16 (53.3%)	-	-	3.36
24	Guru tidak memberikan contoh-contoh yang lain selain yang tercetak di dalam buku teks	9 (30%)	6 (20%)	15 (50%)	-	-	3.20
25	Contoh-contoh ayat yang terdapat di dalam buku teks sukar untuk difahami	7 (23.3%)	12 (40%)	11 (36.7%)	-	-	3.13
26	Aktiviti pengajaran dan pembelajaran <i>balaghah</i> di dalam kelas berkesan membantu saya mempelajari ilmu <i>balaghah</i> dengan baik	12 (40%)	10 (33.3%)	4 (13.3%)	4 (13.3%)	-	3.0
27	Saya jelas tentang tujuan mempelajari ilmu <i>balaghah</i>	15 (50%)	7 (23.3%)	8 (26.7%)	-	-	2.76
28	Saya boleh mengaitkan <i>balaghah</i> Arab dengan gaya bahasa Melayu	16 (53.3%)	7 (23.3%)	2 (6.7%)	5 (16.7%)	-	2.86
29	Aktiviti pengajaran dan pembelajaran <i>balaghah</i> dalam kelas meningkatkan minat saya untuk mempelajari <i>balaghah</i>	13 (43.3%)	8 (26.7%)	9 (30%)	-	-	2.86
30	Tugasan <i>balaghah</i> yang diberikan meningkatkan kreativiti saya	15 (50%)	2 (6.7%)	4 (13.3%)	9 (30%)	-	3.23
31	Tugasan <i>balaghah</i> yang diberikan berkesan memantapkan pemahaman ilmu <i>balaghah</i>	15 (50%)	4 (13.3%)	11 (36.7%)	-	-	2.86
32	Dalam kelas saya, guru mempelbagaikan teknik pengajaran <i>balaghah</i>	5 (16.7%)	15 (50%)	3 (10%)	7 (23.3%)	-	2.40
Min keseluruhan							3.08

JADUAL 4. Taburan Peratusan dan Min bagi Objektif yang Ketiga

Bil	Perkara	Frekuensi Peratus (%)					Min
		STS	TS	KS	S	SS	
33	Saya tahu dalam bahasa Arab banyak ayat yang berunsurkan sastera	6 (20%)	12 (40%)	7 (23.3%)	5 (16.7%)	-	2.76
34	Saya dapat tentukan dalam teks-teks Arab terdapat beberapa unsur <i>balaghah</i>	13 (43.3%)	6 (20%)	6 (20%)	5 (16.7%)	-	3.10
35	Saya dapat memahami gaya bahasa yang berasaskan kepada ilmu <i>al-Bayan</i> seperti <i>al-Tasybih</i> dan lain-lain setakat yang saya pelajari	16 (53.3%)	3 (10%)	6 (20%)	5 (16.7%)	-	3.0
36	Saya dapat memahami gaya bahasa yang berasaskan kepada ilmu <i>al-Ma'ani</i> seperti <i>Insya'</i> dan <i>Khabar</i>	5 (16.7%)	15 (50%)	4 (13.3%)	6 (20%)	-	2.36
37	Saya dapat memahami gaya bahasa yang berasaskan kepada ilmu <i>al-Badi'</i> seperti <i>al-Jinas</i> , <i>al-Tibaq</i> dan lain-lain setakat yang saya pelajari dalam kelas	13 (43.3%)	1 (3.3%)	9 (30%)	7 (23.3%)	-	3.33
38	Saya tahu banyak ayat al-Quran yang mempunyai unsur-unsur <i>balaghah</i>	2 (6.7%)	7 (23.3%)	11 (36.7%)	8 (26.7%)	2 (6.7%)	3.03
39	Saya dapat tentukan unsure <i>balaghah</i> yang terdapat dalam ayat-ayat al-Quran setakat yang saya pelajari	23 (67.7%)	2 (6.7%)	5 (16.7%)	-	-	2.40
40	Saya mengetahui betapa indahnya gaya bahasa Arab setelah mempelajari <i>balaghah</i> dalam kelas	8 (26.7%)	13 (43.3%)	9 (30%)	-	-	3.33
41	Saya sedar dengan mempelajari <i>balaghah</i> telah banyak membantu saya mengolah dan mengungkap ayat-ayat yang baik dalam bahasa Arab	16 (53.3%)	3 (10%)	6 (20%)	5 (16.7%)	-	3.26
42	Pengajaran dan pembelajaran <i>balaghah</i> membuatkan saya lebih berminat mempelajari bahasa Arab	10 (33.3%)	3 (10%)	16 (53.3%)	1 (3.3%)	-	3.26
Min keseluruhan							2.95

JADUAL 5. Min Keseluruhan bagi Setiap Bahagian (I, II dan III)

Bil	Bahagian	Min
1	Bahagian I (Persepsi dan Pengetahuan Pelajar terhadap Pengajian Ilmu <i>balaghah</i>)	2.70
2	Bahagian II (Masalah-masalah yang dihadapi oleh Pelajar dalam Pembelajaran Ilmu <i>balaghah</i>)	3.08
3	Bahagian III (Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran Ilmu <i>balaghah</i> di Kalangan Pelajar)	2.95

Jadual 5 yang dipaparkan di atas jelas menunjukkan bahawa min yang dicatatkan pada Bahagian I ialah jumlah 2.70. Keadaan ini menjelaskan bahawa pandangan pelajar terhadap mata pelajaran *balaghah* adalah negatif. Oleh itu dapat dibuat kesimpulan bagi objektif ketiga ini ialah persepsi dan pengetahuan pelajar terhadap pengajian ilmu *balaghah* adalah negatif di mana mereka kurang berminat, kurang mempunyai kesedaran tentang kepentingannya dan kurang keinginan mendalami ilmu ini.

Manakala catatan min pada bahagian II menunjukkan perolehan yang rendah iaitu sebanyak 3.08. Secara keseluruhannya, min pada Bahagian

II memberi gambaran bahawa pelajar bermasalah dalam mempelajari ilmu *balaghah* ini. Antara masalah yang dihadapi pelajar ialah mereka tidak dapat memahami apa yang mereka belajar selama ini. Tidak dapat aplikasikan apa yang mereka belajar dalam penggunaan ayat lain. Selain itu pelajar menghadapi masalah untuk menggunakan buku teks yang disediakan dan tidak dapat mengambil manfaat darinya. Hal yang demikian menyebabkan mereka tidak dapat membuat tugas-tugas yang diberikan dengan betul. Di samping itu, masa P & P yang tidak mencukupi untuk *balaghah* ini juga antara faktor yang menyumbang kepada permasalahan ini. Maka

jawapan kepada persoalan kajian yang kedua ialah secara keseluruhannya pelajar mempunyai masalah dalam pembelajaran ilmu *balaghah* ini.

Pada bahagian III pula, min yang dicatatkan ialah 2.95 iaitu pada aras negatif iaitu aras tidak pasti. Keadaan ini menunjukkan responden kurang bersetuju dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunapakai dalam pembelajaran *balaghah*. Maka jawapan bagi persoalan kajian yang terakhir ialah pengajaran dan pembelajaran *balaghah* belum memberikan kesan yang positif kepada para pelajar yang mendalami ilmu ini.

Kesimpulannya dalam ketiga-tiga bahagian dalam soal selidik yang telah dibina telah mendapat respon yang negatif dalam kalangan responden. Min yang diperolehi pada ketiga-tiga bahagian mendapat respon yang kurang memuaskan di mana kebanyakan responden tidak mempunyai motivasi dan minat untuk mempelajari ilmu *balaghah* ini. Mereka juga menghadapi masalah dalam mempelajari ilmu ini disebabkan kaedah pengajaran yang tidak sesuai.

Justeru, dalam tinjauan awal ini, penguasaan para pelajar sekolah menengah agama aliran agama di negeri Melaka ini masih belum berada pada tahap yang baik terhadap pengajian ilmu *balaghah*. Hal ini dapat dilihat dalam dapatan kajian di kesemua bahagian. Oleh yang demikian, sewajarnya diadakan penambahbaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran ilmu *balaghah*.

RUMUSAN

Majoriti para pelajar kurang mempunyai minat untuk mempelajari ilmu *balaghah*. Pelajar tidak mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap kewujudan *balaghah* dalam bahasa Arab dan juga kewujudan pengajian ilmu *balaghah* dalam kertas Bahasa Arab Tinggi SPM. Para pelajar juga didapati tidak mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap faedah yang akan didapati daripada mempelajari ilmu *balaghah* ini sama ada terhadap pemahaman mereka terhadap al-Quran, hadis dan juga terhadap teks-teks Arab. Pelajar didapati tidak dapat memahami semua pengajaran yang telah diberikan oleh guru terhadap kaedah-kaedah *balaghah* dan tajuk-tajuk tertentu dalam ilmu *Balaghah*.

Pelajar mempunyai masalah untuk menggunakan buku teks Bahasa Arab (BA) secara sepenuhnya untuk pembelajaran mereka terhadap ilmu *balaghah*. Pelajar merasakan masa yang diperuntukkan untuk subjek *balaghah* adalah sangat terhad dan mereka merasakan masa yang diberikan tersebut tidak memadai atau

tidak mencukupi. Proses P & P ilmu *balaghah* ini di dalam kelas yang kurang berkesan menyukarkan pelajar untuk memahami ilmu ini dengan baik.

CADANGAN

Berdasarkan kepada hasil analisis terhadap data yang diperolehi, perbincangan dan rumusan yang telah dilakukan sebelum ini, maka pada bahagian ini penyelidik ingin mengemukakan beberapa cadangan terhadap kajian ini. Cadangan-cadangan ini merupakan sebagai langkah untuk mempertingkatkan serta memperbaiki penguasaan para pelajar terhadap pengajian ilmu retorik Arab atau *Balaghah* khususnya di kalangan pelajar sekolah menengah aliran agama.

KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

Pihak pengurusan kurikulum dicadangkan agar menambah masa untuk subjek Bahasa Arab Tinggi lantaran banyak pecahan-pecahan ilmu yang terletak di bawah subjek bahasa Arab tersebut seperti Nahu, Saraf, *Balaghah* dan pelbagai lagi yang perlu dipelajari. Selain itu juga didapati kandungan buku teks ilmu *al-Balaghah* ini walaupun bermutu namun didapati agak banyak yang disusun dengan cara yang kurang menarik. Oleh itu usaha untuk mengeluarkan cetakan yang lebih menarik perlu dilakukan segera bagi mengatasi masalah ini.

PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN SEKOLAH

Pihak sekolah perlu banyak memberikan sokongan dan galakan kepada guru dan pelajar supaya sentiasa meningkatkan pengetahuan mereka dalam pengajian ilmu retorik Arab ini. Pihak sekolah perlu memberikan sokongan dan kerjasama kepada pihak panitia bahasa Arab seperti mengadakan sebarang aktiviti yang menonjolkan unsur-unsur *Balaghah* seperti pertandingan menghafaz syair-syair Arab, kuiz *Balaghah* dan sebagainya.

TENAGA PENDIDIK

Sebagai insan yang bergelar guru di sekolah, persoalan yang timbul adakah semua guru-guru *Balaghah* ini memberi pengajaran yang berkesan di dalam bilik darjah? Oleh hal yang demikian guru

seharusnya didedahkan dengan pelbagai teknik baru bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Antara kaedah yang sesuai bagi mengajar ilmu *al-Balaghah* ini ialah dengan menggunakan kaedah induktif (*al-Tariqah al-Istiqraiyyat/al-Tariqat al-istinbatiyyat*). Kaedah ini lebih menumpukan kepada memanfaatkan maklumat-maklumat lepas untuk digabungkan dengan maklumat-maklumat baru agar menjadi bahan ilmiah yang disepadukan. Kaedah ini merupakan kaedah yang terkini dan popular digunakan dalam pengajaran bahasa. Kaedah ini biasanya dimulakan dengan contoh-contoh dan kemudian dihuraikan dengan kaedah-kaedah.

RUJUKAN

- Al-Qur'an.
- Abd Halim Ariffin. 1999. *Pengajaran Ilmu Balaghah (Retorika) di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Bawah Kementerian Pendidikan*. Bangi: Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Hakim Abdullah. 2003. *Pengajaran Balaghah di Peringkat STPM di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA): Pelaksanaan dan Permasalahannya*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Hamid Othman, Zainal Abidin Abd Kadir & Abdul Aziz Andek Achok. 1992. *Ke Arah Penyelarasan dan Penyatuan Sistem Pentadbiran dan Pelajaran Sekolah-sekolah Menengah Agama dan Arab di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Rahim Ismail. 1994. *Pengajaran Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua: Permasalahan dan Penyelesaian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Basmeih. 2001. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian Al-Quran*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Abdullah Ishak. 1995. *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Jusuh. 1989. *Pengenalan Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Tahmim. 1999. *Pengajaran Balaghah di Sekolah dan Pusat Pengajian Tinggi*. Bangi: Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Hifni Muhammad Ali. 1999. *Beberapa Unsur Ilmu al-Badi' dalam Bahasa Arab (Satu Perbandingan dengan Bahasa Melayu)*. Bangi: Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Mahdzan Ayob. 1992. *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi*. Ed. ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ali Al-Jarim & Musafa Amin. 1998. *Terjemahan Al-Balaghatul Wadhihah*. Indonesia: Sinar Baru Algensindo Offset Bandung.
- Azhar Muhammad, Ahmad Kilani Mohamed & Kamarul Azmi Jasmi. 2003. *Sudut Perbezaan Mata Pelajaran al-Balaghah Peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) Mempengaruhi Perkaedahan dan Teknik Pengajaran dan Pembelajaran*. Bangi: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ee, Ah Meng. 1999. *Psikologi Pendidikan I: Psikologi Perkembangan*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Husaimi Othman. 1999. *Pengajian Balaghah di Sekolah Agama Rakyat (Perak): Pengalaman dan Tinjauan*. Bangi: Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Husin Sulaiman Qurrah. t.th. *Dirasat Tahliliyyah wa Mawaqif Tatbiqiyah Fi Ta'lim al-Lughah al-'Arabiyyah wa al-Din al-Islami*. Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- Ismail Ab. Rahman. 1992. *Masalah yang Dihadapi oleh Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarudin Ngah & Roslim Md. Akhir. 1990. *Kaedah Penyelidikan Panduan Mudah Kerja Luar*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Lester, James D. & Lester, James D. Jr. 2003. *New York: Principle of Writing Research Papers*, Longman.
- Mohd Nawab Rahman. 2000. *Teras Penyelidikan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Muhammad Ali Al-Khuli. 1998. *Asalib Tadris Al-Lughah Al-Arabiyyah*. Terj. Ahmad Kilani Mohamed. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Munif Zariruddin Fikri Nordin. 1998. *Perkembangan Bahasa Arab dan Kesannya kepada Bahasa dan Pemikiran Melayu dalam Era Globalisasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Kamarulzaman Abdul Ghani & Muawfak Abdella Ahmed al-Khusairi. 1999. *Kaedah Pengajaran Bahasa Arab*. Bangi: Pusat Pengajian Jarak Jauh, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Osman Khalid. 1987. *Sejarah Peradaban Arab*. Kuala Lumpur: Syarhat Nadhi.
- Osman Khalid. 1994. *Pengaruh Bahasa Arab dalam Memperteguh dan Memperkaya Bahasa Melayu: Suatu Pengamatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salmah Ahmad. 1999. *Ilmu al-Ma'ani: Kajian Perbandingan dengan Bahasa Melayu*. Bangi: Jabatan

- Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Samarudin Rejab & Nazri Abdullah. 1993. *Panduan Menulis Tesis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sidi Gazalba. 1981. *Pembimbing Latihan Ilmiah dan Tesis*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Siti Saudah Hassan. 1999. *Ilmu Bayan: Satu Perbandingan dengan Bahasa Melayu*. Bangi: Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sohair Abdel Moneim Sery. 1999. *Perintis ke Arah Memberi Nafas Baru kepada Ilmu Balaghah*. Bangi: Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sulaiman Masri. 2003. *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan (Esei, Proposal, Tesis)*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Syauki Dhaif. 1965. *Al-Balaghah Tatawwur Wa Al-Tarikh*. t.tp.: t.pt.
- Syed Arabi Idid. 1992. *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Virginia M. Sugden. 1973. *The Graduate Thesis: The Complete Guide to Planning and Preparation*. New York: Pitman Publishing Corporation.
- Wan Hashim, Ting Chew Peh & Shamsul Amri Baharuddin. 1980. *Kaedah Penyelidikan Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Weisberg, H.F. & Bowen, B.D. 1977. *An Introduction to Survey Research and Data Analysis*. New York, San Francisco: W. H. Freeman and Company.
- Anuar Sopian
 *Salmah Ahmad
 **Kaseh Abu Bakar
 Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam
 Fakulti Pengajian Islam
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM Bangi
 Selangor D.E.
 MALAYSIA
 * salni@ukm.my
 ** kaseh@ukm.my

